



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR

KENYATAAN MEDIA

ISU TULAR “MURID DIHALANG MENGAMBIL SPM”; JPN JOHOR KOMITED MEMASTIKAN TIADA KECICIRAN CALON DALAM SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Johor mengesahkan isu tular seorang murid tidak mendaftar untuk menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025 yang dikaitan dengan isu buli. Dapatan utama siasatan mendapati **murid berhenti sekolah pada tahun 2024 atas permintaan penjaga untuk mengikuti bidang kemahiran dan tindakan pemulihan telah diberikan oleh pihak sekolah berkenaan isu buli.**

Perjumpaan khas Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bersama penjaga bersetuju murid akan menduduki SPM pada tahun 2026. Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah juga telah memberikan bantuan berkaitan urusan pendaftaran sebagai calon SPM 2026.

Bagi memastikan komitmen berterusan berkaitan kebajikan dan pendidikan murid tersebut, GIATMARA menawarkan tajaan penuh pengajian selama 6 bulan bermula Januari 2026 manakala Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti, dan Swasta (PIBKS) daerah menanggung sewaan bilik selama 6 bulan untuk memastikan murid dapat mengikuti program kemahiran.

JPN Johor menzahirkan penghargaan kepada pihak sekolah, PPD, GIATMARA dan PIBKS yang membantu memastikan kebajikan dan pendidikan murid sentiasa menjadi keutamaan.

“JPN Johor terus komited memastikan tiada keciciran murid dalam menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)”

TAMAT

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR
26 NOVEMBER 2025**